



DATUK HAJI HUSSEIN

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# UMNO akan jelas dasar pandang ke Timur

Oleh SUHAIMI YACOB

PASIR MAS, Khamis — Bahagian Penerangan UMNO Malaysia sedang menyusun langkah-langkah tertentu untuk memberi penjelasan mengenai dasar kerajaan sekarang, terutama dasar pandang ke timur kepada semua peringkat pemimpin UMNO di seluruh negara.

Sebuah kertas kerja yang merangkumi berbagai program bagi tujuan tersebut sedang dirangka dan akan dikemukakan kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO (MT) tidak lama lagi untuk persetujuan.

Demikian diumumkan oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Hussein Ahmad, selepas merasmikan pelancaran Rancangan Pemulihan Kampung (RPK), Mukim Gelam dekat sini hari ini.

Menurut Datuk Haji Hussein, kursus-kursus kepimpinan akan diadakan di seluruh negara bagi memberi penjelasan dan penerangan tentang dasar kerajaan kepada setiap peringkat pemimpin UMNO, terutama di peringkat bahagian dan cawangan.

Tegas beliau, langkah itu penting supaya para pemimpin parti dapat memberi ceramah dan penerangan yang betul serta lebih jelas lagi mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat jelata.

Datuk Haji Hussein menambah, konsep bersih, cekap dan amanah,

perkembangan semasa dan lain-lain yang mungkin disalah terima atau anggap oleh orang ramai selama ini juga akan dijelaskan dalam kursus-kursus tersebut.

Katanya, langkah itu perlu cepat diadakan kerana terdapat setengah para pemimpin UMNO sekarang terutama di kampung-kampung masih tidak faham dan samar-samar mengenai beberapa dasar dan polisi kerajaan sekarang.

"Penerangan dan penjelasan itu perlu diwujudkan mereka selalu memberi ceramah-ceramah kepada orang ramai dan jika mereka silap faham atau silap penerimaan mungkin akan memberi kesan yang buruk kepada kerajaan," tambahnya.

Menurut Datuk Haji Hussein lagi, dasar pandang ke timur akan diutamakan dalam siri penerangan tersebut kerana perkara itu telah menimbulkan sedikit kekeliruan di kalangan orang ramai termasuk setengah pemimpin UMNO sendiri terutama dalam aspek sejauh mana tatakkerja orang-orang Jepun dan Korea diambil kira.

Beliau berkata: "Oleh kerana masyarakat di kedua-dua negara itu mementingkan tatakkerja dan kesungguhan dalam kerja mereka serta berdisiplin tinggi, maka kita orang-orang Melayu yang memang terkenal dengan sifatnya suka tolong-menolong dan rajin harus menerima dan menerapkannya dalam kehidupan harian kita."